

D781

B B047 DEB

RML - MAHATHIR (PERPADUAN)

KUALA LUMPUR, 21 MAC (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENINGATKAN RAKYAT SUPAYA MENGEKALKAN PERPADUAN, KESELAMATAN DAN KESTABILAN JIKA PEMBANGUNAN NEGARA INGIN TERUS MENCAPAI TAHAP YANG DIHASRATKAN.

KETIKA MEMBENTANGKAN USUL MENGENAI RANCANGAN MALAYSIA KELIMA (RML) DI DEWAN RAKYAT HARI INI, BELIAU BERKATA SEJARAH MENUNJUKKAN BAHAWA TIDAK ADA SEBUAHPUN NEGARA YANG BOLEH KEKAL JIKA IANYA TERUS BERPECAH BELAH DAN RAKYATNYA TERKONGKONG DENGAN KEPENTINGAN SEMPIT MASING-MASING.

TEGASNYA, KESTABILAN MERUPAKAN SYARAT PENTING YANG MESTI DIPENUHI BAGI MENCAPAI PEMBANGUNAN YANG TERATUR KERANA TANPA KESTABILAN KEADAAN YANG TIDAK PASTI AKAN WUJUD.

KATANYA, FAHAMAN DAN SIKAP YANG MELAMPAU MERUPAKAN SATU GEJALA BESAR YANG MENGGUGAT KESTABILAN.

+ TIDAK ADA TEMPAT BAGI FAHAMAN MELAMPAU DALAM MASYARAKAT KITA KERANA IANYA AKAN MENGIKIS DAN SETERUSNYA MEMUSNAHKAN SEGALA YANG TELAH KITA CAPAI DENGAN BERTUNGKUS LUMUS.+ -- LAGI

1634MST 21 03 86

D782

B B048 DEB

RML - MAHATHIR (PERPADUAN) 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA GOLONGAN PELAMPAU BEGITU BERSUNGGUH-SUNGGUH UNTUK MEWUJUDKAN KONFLIK DENGAN SANGGUP MENGORBANKAN KEAMANAN DAN KESTABILAN NEGARA. +SIKAP YANG SEDEMIKIAN ADALAH LUAR BIASA DAN SESUATU YANG LUAR BIASA MESTILAH KITA ATASI BERSAMA.+

BELIAU BERKATA DALAM MENJALANKAN KEGIATAN MEREKA, GOLONGAN PELAMPAU INI HILANG PERTIMBANGAN DAN PEDOMAN YANG SANGAT DIPERLUKAN OLEH MASYARAKAT YANG BERBILANG KAUM SEPERTI MALAYSIA.

+ ADALAH MENDUKACITAKAN APABILA KITA MELIHAT GOLONGAN PELAMPAU INI MENIRU-NIRU DAN TERIKUT-IKUT DENGAN AMALAN NEGARA-NEGARA LAIN YANG MEMPUNYAI PENGALAMAN SEJARAH, SOSIO-EKONOMI DAN POLITIK YANG BERBEZA DENGAN NEGARA KITA.

+ KITA SERING MENGECEM ORANG LAIN KERANA TERIKUT-IKUT CARA BARAT DAN TABIAT-TABIAT YANG ASING KEPADA RAKYAT MALAYSIA, WALHAL MEREKA SENDIRI TERIKUT-IKUT DAN MENGAMALKAN CARA HIDUP NEGARA-NEGARA LAIN YANG BEGITU ASING KEPADA MASYARAKAT KITA,+ KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN SEKIRANYA GOLONGAN PELAMPAU ITU DIBENARKAN TERUS MENJALANKAN KEGIATAN MEREKA, MEREKA AKAN MENIMBULKAN KACAU BILAU, MELEMAHKAN MATLAMAT BERSAMA NEGARA MALAHAN MENGAKIBATKAN LEBIH BANYAK PERPECAHAN DALAM MASYARAKAT AKHIRNYA. -- LAGI

1636MST 21 03 86

D783

B B049 DEB

RML - MAHATHIR (PERPADUAN) 3 KUALA LUMPUR

KATANYA, GOLONGAN INI TIDAK LANGSUNG MEMENTINGKAN KEMAKMURAN NEGARA SEBAGAI MATLAMAT UTAMA MEREKA TETAPI HANYA BERMINAT MENARIK PERHATIAN, MENDAPATKAN KUASA DAN Mencari KEMEGAHAN YANG MEREKA ANGGAP SEBAGAI HAK MEREKA.

MEMANDANGKAN GOLONGAN ITU SANGGUP MELAKUKAN APA SAHAJA UNTUK MENCAPAI MATLAMAT MEREKA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA JIKA MEREKA BERJAYA NEGARA AKAN GAGAL DALAM USAHA-USAHA UNTUK MEMBINA SEBUAH MASYARAKAT YANG BERSATU PADU, ADIL, STABIL DAN PROGRESIF.

+ KITA TIDAK BOLEH DAN JANGAN SEKALI-KALI MEMBENARKAN FAHAMAN INI MENULAR DI TENGAH-TENGAH MASYARAKAT KITA.+

PERDANA MENTERI JUGA MEMBIDAS GOLONGAN YANG MENUDUH BAHAWA SEGALA USAHA KERAJAAN HANYALAH UNTUK FAEDAH SATU KUMPULAN ETHNIK DAN MENGENEPIKAN KUMPULAN ETHNIK YANG LAIN.

+ MEREKA YANG TERUS BERBUAT DEMIKIAN HANYA MEMPUNYAI SATU NIAT, IAITU UNTUK MENYEMAI PERASAAN TIDAK PUAS HATI, MENIMBULKAN PERPECAHAN DAN SETERUSNYA MENGGUGAT KESTABILAN NEGARA.+ -- LAGI
1638MST 21 03 86

D785

B B050 DEB

RML - MAHATHIR (PERPADUAN) 4 KUALA LUMPUR

+ SEBALIKNYA, BANYAK BUKTI YANG MENUNJUKKAN BAHAWA SEMUA RAKYAT MALAYSIA MENIKMATI FAEDAH-FAEDAH PEMBANGUNAN NEGARA.+

KATANYA, DALAM MANA-MANA MASYARAKAT YANG SEDANG MELALUI PROSES PEMBANGUNAN, TERDAPAT GOLONGAN YANG BERUPAYA MENGAMBIL LEBIH BANYAK KESEMPATAN DARIPADA PELUANG-PELAUNG PERTUMBUHAN BERBANDING DENGAN YANG LAIN.

BELIAU BERKATA KERAJAAN TIDAK DAPAT MENJAMIN SETIAP RAKYAT AKAN MENDAPAT BAHAGIAN YANG SAMA DALAM MENIKMATI FAEDAH-FAEDAH PEMBANGUNAN NEGARA.

+ INI ADALAH SATU TUGAS YANG MUSTAHIL DAN SAYA TAHU TIDAK ADA SEBUAH NEGARA PUN SAMA ADA DARI NEGARA KAPITALIS ATAU SOSIALIS, YANG BERJAYA MEMASTIKAN PENGAGIHAN FAEDAH-FAEDAH PEMBANGUNAN DENGAN SAMA RATA DI KALANGAN RAKYATNYA.

+ KEADAAN KEGIATAN EKONOMI YANG SALING BERGANTUNG ANTARA SATU SAMA LAIN TELAH DAN AKAN MEMASTIKAN BAHAWA BERBAGAI-BAGAI KUMPULAN AKAN MENDAPAT FAEDAH DARIPADA KEGIATAN EKONOMI.+ -- LAGI
1642MST 21 03 86

D804

B B063 DEB

RML - MAHATHIR (PERPADUAN) 5 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA WALAUPUN PERTUMBUHAN EKONOMI DAN PEMBANGUNAN DALAM TAHUN-TAHUN YANG AKAN DATANG AGAK SUKAR DICAPAI, IANYA AKAN TERUS MEMBERI PELUANG KEPADA RAKYAT MALAYSIA BERSAMA-SAMA MENIKMATI FAEDAH-FAEDAH PEMBANGUNAN DAN MEMPERBAIKI TARAF HIDUP MEREKA.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, WALAU APAPUN KEMAJUAN YANG AKAN DICAPAI DALAM MENGURANGKAN KEMISKINAN DAN MENYUSUN SEMULA MASYARAKAT MENJELANG 1990, KEADAAN YANG TIDAK SEIMBANG DI KALANGAN KUMPULAN-KUMPULAN ETHNIK YANG UTAMA DI NEGARA INI AKAN TERUS WUJUD.

+ OLEH YANG DEMIKIAN, KITA MESTI MENERUSKAN USAHA-USAHA KITA BAGI MENGURANGKAN KEMISKINAN DAN MEMPERBAIKI KEADAAN EKONOMI YANG TIDAK SEIMBANG, LEBIH-LGNYA RAKYAT MENERIMA PERUBAHAN MENGIKUT PEREDARAN MASA SEKIRANYA MEREKA DAN NEGARA INGIN TERUS MENIKMATI PEMBANGUNAN DAN KEMAKMURAN. -- LAGI
1717MST 21 03 86

D806

B B065 DEB

RML - MAHATHIR (PERPADUAN) 6 KUALA LUMPUR

SAMBIL MENEGASKAN BAHAWA SEPATUTNYA RAKYAT MALAYSIA MEMBUAT PERUBAHAN SEJAK BEBERAPA TAHUN LEPAS, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA NEGARA TIDAK LAGI MAMPU UNTUK HIDUP BERSENGANG-LENANG BERDASARKAN PENCAPAIAN DI MASA LEPAS.

+ KITA SEDANG MEMASUKI SATU ERA BARU DALAM SEJARAH PEMBANGUNAN DAN KITA SEDANG MENGHADAPI KESUKARAN-KESUKARAN SAMA ADA DI PERINGKAT ANTARABANGSA ATAU DALAM NEGERI+.

DATUK SERI DR. MAHATHIR KEMUDIAN BERHARAP AGAR RAKYAT TIDAK AKAN HILANG KEYAKINAN TERHADAP EKONOMI NEGARA KETIKA NEGARA MENGHADAPI PELBAGAI CABARAN AKIBAT KEMELESETAN YANG DIALAMI SEKARANG.

+ KITA MESTI MENGAKUI BAHAWA TERDAPAT GOLONGAN YANG HANYA BERMINAT UNTUK MEWUJUDKAN KETIDAKSTABILAN KERANA MEREKA AKAN MENDAPAT FAEDAH HASIL DARIPADA KERUGIAN ORANG LAIN.

+ GOLONGAN INI TERMASUKLAH MEREKA YANG KONONNYA PAKAR RAMALAN EKONOMI NEGARA YANG MENYEBARKAN DAKYAH-DAKYAH YANG MELEMAHKAN KEYAKINAN KITA. GOLONGAN INI INGIN MEMPENGARUHI KITA SUPAYA MEMPERCAYAI BAHAWA NEGARA INI TIDAK MEMPUNYAI MASA DEPAN YANG CERAH.+

-- LAGI

1721MST 21 03 86

D807

B B068 DEB

RML - MAHATHIR (PERPADUAN) 7 KUALA LUMPUR

DI SAMPING ITU, KATANYA, TERDAPAT PULA GOLONGAN YANG MEMUTARBELITKAN KEDUDUKAN KEWANGAN; GOLONGAN YANG MEMBUAT SPEKULASI DAN GOLONGAN YANG MENGUMPUL KEKAYAAN HARTA SECARA PENIPUAN, YANG SEMUANYA INI MENJADIKAN KEADAAN LEBIH KELIRU DAN TIDAK PASTI, LEBIH LAGI APABILA MEREKA BERGIAT UNTUK MENDAPATKAN KEUNTUNGAN YANG MELAMPAU TERUTAMA DI PASARAN SAHAM.

+ SEKIRANYA KITA INGIN MEMBERHENTIKAN AMALAN-AMALAN YANG MERUGIKAN, DAN SEKIRANYA KITA INGIN MENGEMBALIKAN KEYAKINAN, MAKA KITA MESTI MENGIKIS TABIAT SUKA MENCIPTA DAN MENGADAKAN-ADAKAN KRISIS.

+ KITA MESTILAH JANGAN SEKALI-KALI MENCIPTA KRISIS-KRISIS BARU YANG BERTUJUAN HANYA UNTUK MEWUJUDKAN SUASANA TURUN-NAIK HARGA-HARGA SAHAM DENGAN CEPAT YANG HANYA MENGUNTINGKAN MEREKA YANG MEMBUAT SPEKULASI.+

PADA AKHIRNYA, KATA BELIAU, KEMATANGAN NEGARA AKAN DINILAI BUKAN SAHAJA BERDASARKAN SEJAUH MANA PENCAPAIAN EKONOMINYA TETAPI JUGA KEMAMPUANNYA UNTUK MENGHADAPI DENGAN JAYANYA TEKANAN-TEKANAN, KETEGANGAN-KETEGANGAN DAN BERBAGAI-BAGAI FAKTOR YANG MENGGUGAT KESTABILAN TANPA, PADA MASA YANG SAMA, MEMUSNAHKAN ASAS DEMOKRASI NEGARA YANG TELAH DIBINA.

DALAM MENGHADAPI MASA-MASA YANG SUKAR, PERDANA MENTERI INGINKAN SEMUA RAKYAT MALAYSIA MEMBAHARUI AZAM UNTUK SEDIA BEKERJA BERSUNGGUH-SUNGGUH DAN MENCAPAI KEJAYAAN. -- LAGI

1724MST 21 03 86

D808

B B070 DEB

RML - MAHATHIR (PERPADUAN) 8 KUALA LUMPUR

MELALUI SIKAP DEDIKASI DAN BEKERJA KUAT SAHAJA NEGARA AKAN DAPAT MENCAPAI MATLAMAT JANGKA PANJANGNYA BAGI PEMBANGUNAN SOSIAL DAN EKONOMI, TEGAS DATUK SERI DR. MAHATHIR.

DALAM TAHUN-TAHUN YANG PENUH DENGAN CABARAN INI, ADALAH TIDAK BERFAEDAH BAGI MANA-MANA PIHAK MENUDUH SESUATU PIHAK YANG LAIN KERANA KESALAHAN DAN KESULITAN YANG DIALAMI OLEH MASYARAKAT. +INSYA ALLAH AKHIRNYA KITA SEMUA AKAN MENCAPAI KEJAYAAN.+ -- BERNAMA

1725MST 21 03 86